



The Observer

08.09.2023

❖ Tiga kelebihan dalam dunia pelaburan

Charley Ellis pernah menerangkan tiga cara pelabur boleh mengatasi pasaran:
"la melibatkan kepayahan fizikal, sulit daripada aspek intelek dan sukar daripada sudut emosi."

Anda boleh bekerja lebih gigih dan lebih lama berbanding orang lain. Anda juga boleh menjadi lebih bijak, melihat masa depan dengan kaca mata yang berbeza serta lebih mampu mengenal pasti apabila ada sesuatu yang tidak kena dengan pasaran. Anda boleh berkelakuan baik, mengambil pendekatan pelaburan jangka panjang dan bertahan.

Mahu mengatasi prestasi pasaran? Kenal pasti kelebihan anda. Kelebihan itu akan menentukan kejayaan anda sebagai pelabur. Jika anda bermain dalam gelanggang yang mana kelebihannya terletak di tangan pemain lain, anda akan tewas.

Apakah kelebihan anda berbanding pelabur lain?

Pada asasnya, terdapat tiga kelebihan yang boleh anda miliki sebagai pelabur.

1. Kelebihan dari segi maklumat
2. Kelebihan menganalisis
3. Kelebihan dari segi masa

Kelebihan dari segi maklumat

Kelebihan dari segi maklumat ialah apabila anda mempunyai maklumat yang tidak dimiliki oleh orang lain. Ia paling mudah untuk dieksploitasi tetapi paling sukar untuk dicari.

Sewaktu Warren Buffett baru berjinak-jinak dalam dunia pelaburan, beliau mempunyai kelebihan maklumat yang signifikan berbanding orang lain. Buffett menekuni ribuan naskhah Manual Moody dari kulit ke kulit dan menemukan maklumat yang tidak diketahui oleh orang lain. Beliau meraih keuntungan jutaan dolar hanya dengan mencari tawaran menggunakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Benjamin Graham.

Kebanyakan pelabur memberikan tumpuan kepada kelebihan maklumat. Namun kelebihan ini adalah yang paling berdaya saing kerana kehadiran Internet telah meratakan padang permainan untuk semua pelabur. Dengan kemajuan teknologi, sesiapa sahaja boleh mendapatkan maklumat di hujung jari mereka.

Disebabkan itu, kelebihan dari segi maklumat telah menurun dengan ketara, seiring dengan peredaran zaman.

Kelebihan menganalisis

Kelebihan menganalisis terbit daripada keupayaan yang berbeza untuk mentafsir maklumat yang tersedia secara umum, berbanding pelabur lain.

Para pelabur mungkin mempunyai set data dan angka yang sama, namun sesetengah daripada mereka akan membuat kesimpulan yang berbeza berdasarkan pemikiran mereka sendiri. Kelebihan ini diperoleh melalui penyelidikan yang teliti dan pemikiran yang mendalam.

Selain itu, anda juga perlu memahami konsep perakaunan. Ia adalah bahasa dalam kehidupan perniagaan yang praktikal. Seperti yang pernah disebut oleh Charlie Munger, *"Tanpa kefasihan tentang angka, akan merencatkan banyak bahagian dalam kehidupan kita. Ibarat seorang lelaki yang kakinya kudung sebelah dalam pertandingan tendang bokong."*

Pelabur yang mempunyai kemahiran menganalisis yang kukuh dapat menghasilkan sudut pandang yang unik tentang syarikat dan industri. Ini kemudiannya membawa kepada keputusan yang difikirkan dengan sehabis baik. Mereka juga memerlukan keberanian untuk bersemuka dengan pasaran. Biarlah terlihat salah dalam jangka pendek, asalkan terbukti betul dalam jangka panjang.

Kelebihan dari segi masa

Kelebihan dari segi masa merujuk kepada keupayaan untuk beradaptasi dalam tempoh pelaburan yang berjangka panjang.

Ini bermakna seseorang pelabur perlu bersedia untuk bertahan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, meskipun kebanyakan peserta pasaran sudah tidak sabar-sabar menunggu suku tahun berikutnya.

Semakin lama anda mampu bertahan dalam tempoh masa yang panjang, semakin kurang daya saingan pasaran kerana kurangnya pemain dalam permainan ini. Semakin kurang daya saingan pasaran, semakin tinggi kebarangkalian untuk menghasilkan pulangan yang luar biasa.

Pelabur yang mempunyai kelebihan dari segi masa boleh mengeksploitasi ketidakcekan pasaran yang wujud daripada turun naik pasaran jangka pendek atau pasaran yang tergendala sementara. Biasanya, pelabur mengikut arah yang salah iaitu mereka teruja apabila harga meningkat dan gentar apabila keadaan menjadi teruk. Jika anda mampu mengawal emosi sewaktu berhadapan dugaan yang besar, anda akan beroleh pulangan yang sewajarnya.

Ambil perhatian bahawa terdapat perbezaan yang besar antara “pulangan pasaran” dan “pulangan pelabur”. Pulangan pasaran, seperti yang ditentukan oleh S&P 500, adalah kira-kira 10% sejak 20 tahun yang lalu. Namun berapa ramai pelabur boleh bertenang dan berdiam diri selama 20 tahun dan memperoleh pulangan tahunan terkompoun 10%? Sebahagian besar daripadanya akan habis dijual sewaktu kegawatan atau akibat panik. Ringkasnya, tingkah laku pelabur menjejaskan pengkompounan.

Untuk melakukan pelaburan yang berbaloi dalam jangka masa panjang, anda perlu mengawal tingkah laku. Jika anda tidak mempunyai kesabaran untuk bertahan, kerugian yang dialami mungkin lebih tinggi berbanding pasaran.

Kesimpulan

Secara ringkas, terdapat tiga kelebihan yang boleh diperolehi oleh pelabur dalam pelaburan.

Kelebihan dari segi maklumat adalah yang paling berdaya saing kerana disitulah tumpuan kebanyakan pelabur. Kelebihan menganalisis wujud daripada pemikiran yang mendalam serta pembelajaran yang berterusan selama bertahun-tahun. Kelebihan dari segi masa adalah yang paling sukar kerana ia berkait rapat dengan tingkah laku anda. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipelajari kerana ia merangkumi kelebihan yang berstruktur memandangkan kebanyakan pelabur berorientasikan jangka pendek.

Dalam dunia pelabur yang bermain permainan berjangka pendek, jadilah pelabur yang menumpukan terhadap permainan berjangka panjang. Lanjutkan ufuk masa anda. Telusuri laluan yang kurang sesak. Biasakan berpandangan lebih jauh berbanding kebanyakan pelabur, nescaya anda mampu menumpaskan mereka, kerana itulah kelebihan yang dapat bertahan paling lama dalam dunia pelaburan.

Jackson Tan **Pengurus, Pemantauan Korporat**

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 15 September 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
12.09.23 (Selasa) 10.00 pagi	Titijaya Land Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangannya untuk mengubah perancangan pembangunan ke atas sebidang tanah pajakan yang dipegang di bawah PN 12299, Lot No. 72393, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

12.09.23 (Selasa) 10.00 pagi	LTKM Berhad (AGM)	<p>LTKM kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2023 selepas mengalami kerugian dua tahun berturut-turut. Ia mencatatkan pendapatan berjumlah RM257.3 juta, meningkat 28% berbanding RM201.7 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Perolehan sebelum cukainya meningkat kepada RM30.5 juta berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM19.1 juta pada tahun kewangan 2022. Bagaimanapun, tahun kewangannya yang berikut diselubungi ketidaktentuan berikutan dasar kerajaan berhubung kawalan harga telur dan pembayaran subsidi.</p>
12.09.23 (Selasa) 11.00 pagi	BLD Plantation Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 2% tahun ke tahun kepada kira-kira RM2.46 bilion (tahun kewangan 2022: RM2.51 bilion), manakala keuntungan sebelum cukai merosot 61% kepada RM43.9 juta (tahun kewangan 2022: RM112.60 juta). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga jualan purata produk yang lebih rendah serta perubahan yang tidak menguntungkan dalam nilai saksama aset biologi.</p>
13.09.23 (Rabu) 11.00 pagi	George Kent (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan melaporkan penyusutan pendapatan sebanyak 30.5% kepada RM247.9 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada bahagian pemeteran serta pendapatan yang lebih rendah daripada segmen kejuruteraan, berikutan sumbangan yang lebih rendah menjelang peringkat akhir projek hospital.</p> <p>Sementara itu, untung sebelum cukai bagi tahun kewangan 2023 sebanyak RM7.78 juta adalah 82% lebih rendah tahun ke tahun, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang rendah daripada bahagian kejuruteraan dan pemeteran, bahagian kerugian syarikat bersekutu serta pertambahan kerugian rosot nilai dalam pelaburan.</p>

<p>14.09.23 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Priceworth International Berhad (EGM)</p>	<p>Priceworth berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Pengurangan Modal sebanyak RM210.0 juta daripada modal saham terbitan. Menurut Cadangan Pengurangan Modal ini, kerugian terkumpul akan dihapuskan untuk mencerminkan nilai aset pendasar dan kedudukan kewangan dengan lebih tepat, justeru akan meningkatkan profil kewangan bagi pihak berkepentingan. Tiada perubahan terhadap bilangan saham dan aset bersih sesaham menurut Cadangan Pengurangan Modal ini.</p>
<p>14.09.23 (Khamis) 11.00 pagi</p>	<p>Emico Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2023 dengan untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) berjumlah RM1.41 juta berbanding rugi sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) sebanyak RM1.27 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan PBT terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada bahagian pembuatan trofi dan kontrak, yang berjumlah RM53.68 juta pada tahun kewangan 2023, berbanding RM32.08 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
<p>15.09.23 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Bintai Kinden Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 29 Mac 2023, Bintai Kinden Corporation Berhad (BKCB) diklasifikasikan sebagai syarikat PN17 kerana anak syarikat milik penuhnya iaitu Optimal Property Management Sdn Bhd, telah gagal membayar balik kemudahan perbankan Islam sebanyak RM109 juta. BKCB sedang merangka pelan untuk menyusun semula situasi kewangannya.</p> <p>Kumpulan mengalami kerugian bersih berjumlah RM114.5 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023. Liabiliti semasa Kumpulan melebihi aset semasanya sebanyak RM77.7 juta pada 31 Mac 2023.</p>
<p>15.09.23 (Jumaat) 02.30 petang</p>	<p>Adventa Berhad (EGM)</p>	<p>Adventa berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan Terbitan Hak sehingga 152.79 juta saham baharu dalam Adventa berdasarkan satu saham

		<p>hak untuk setiap satu Saham Adventa sedia ada yang dipegang. Sebahagian besar hasilnya akan digunakan bagi pengembangan perniagaan untuk membina kemudahan pengilangan di Indonesia dan sebagai modal kerja.</p> <p>- Cadangan pengecualian terhadap Low Chin Guan dan orang yang bertindak bersama-sama daripada kewajiban untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori untuk kesemua Saham Adventa yang tinggal menurut pelaksanaan Cadangan Terbitan Hak.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
LTKM Berhad (AGM)	<p>Pendapatan daripada segmen perlombongan pasir meningkat 26% kepada RM7.1 juta, berbanding RM5.6 juta pada tahun kewangan 2022, disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran. Bagaimanapun, segmen perlombongan pasir mengalami kerugian sebanyak RM0.09 juta (tahun kewangan 2022: keuntungan RM0.22 juta) walaupun pendapatan lebih tinggi disebabkan kos operasi yang lebih tinggi. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Bagaimanakah pihak pengurusan merancang untuk menangani peningkatan kos operasi bagi segmen perlombongan pasir?</p> <p>b) Bagaimanakah pandangan dan prospek bagi segmen perlombongan pasir Kumpulan?</p>
BLD Plantation Bhd (AGM)	<p>Kumpulan menyedari kepentingan menyumbang kepada masyarakat dalam memupuk sifat warganegara korporat yang baik selaras dengan visinya (halaman 3, Laporan Tahunan 2023). Pada tahun kewangan sebelum ini, syarikat subsidiari telah menderma kepada sebuah yayasan kebajikan, yang mempunyai Pengarah yang sama, berjumlah RM7 juta. (Nota 25 (c), halaman 124, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Berdasarkan surat jawapan BLD pada tahun 2022 kepada soalan MSWG yang dibangkitkan dalam AGM sebelumnya, Syarikat menyatakan bahawa pemberian derma berjumlah RM7 juta itu adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (<i>corporate social responsibility</i>, CSR) Kumpulan. Berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk program CSR Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2023 dan 2022?</p>

George Kent (Malaysia) Berhad (AGM)	George Kent telah membangunkan penyelesaian inovatif proprietari seperti Bacaan Meter Automatik (<i>Automated Meter Reading, AMR</i>) dan Infrastruktur Pemeteran Lanjutan (<i>Advance Metering Infrastructure, AMI</i>) yang dilaksanakan di seluruh Malaysia dan rantau Asia Tenggara melalui pembuktian konsep dan projek perintis dengan Pihak Berkuasa Air Negeri serta pengendali ruang runcit komersial yang besar termasuk institusi swasta pada tahun kewangan 2023. Sila huraikan ciri-ciri dan kelebihan AMR dan AMI.
Emico Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Terdapat lonjakan ketara dalam manfaat lain di bawah perbelanjaan manfaat pekerja berjumlah RM1,449,728 pada tahun kewangan 2023 berbanding RM431,554 pada tahun kewangan 2022 (Halaman 109, Laporan Tahunan 2023). Ini menunjukkan peningkatan berjumlah RM1,018,174 atau 235.93%.</p> <p>Apakah perbelanjaan yang terangkum dalam manfaat lain? Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan ini?</p> <p>2. Perbelanjaan lain meningkat kepada RM5,800,539 pada tahun kewangan 2023 daripada RM3,740,997 pada tahun kewangan 2022 (Halaman 63, Laporan Tahunan 2023). Ini menunjukkan peningkatan berjumlah RM2,059,542 atau 55.05%.</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan lain pada tahun kewangan 2023? Adakah perbelanjaan ini dijangka berada pada paras yang sama atau lebih tinggi pada tahun kewangan 2024?</p>
Bintai Kinden Corporation Berhad (AGM)	<p>BKCB dan/ atau Optimal Property Management Sdn Bhd telah gagal membayar balik kemudahan perbankan Islam berjumlah RM109 juta yang diberikan oleh MBSB Bank Berhad. Justeru, ia telah diklasifikasikan sebagai penerbit tersenarai yang terjejas menurut Nota Amalan 17 ("PN 17") Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama pada 29 Mac 2023. BKCB kini sedang berusaha untuk menyelesaikan situasi ini dengan MBSB Bank Berhad dan Ketua Menteri Melaka Diperbadankan sebagai sebahagian daripada rancangan penyusunan semulanya.</p> <p>a) Apakah perkembangan terkini kemajuan pelan penyusunan BKCB?</p> <p>b) Apakah langkah dan strategi khusus lain yang telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada perancangan ini dan apakah hasil yang berjaya dicapai setakat ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.